

ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) AWALAN


PENGENALAN



Anggaran KDNK awalan disusun bertujuan untuk menghasilkan statistik awalan bagi menggambarkan senario terkini ekonomi negara.

Buat masa ini, statistik KDNK suku tahunan diterbitkan dalam tempoh enam minggu selepas suku tahun rujukan. Penyusunan anggaran KDNK awalan membolehkan ketersediaan statistik ini dipercepatkan kepada tiga minggu.

Statistik anggaran KDNK awalan telah disusun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mulai suku tahun kedua 2020 (ST2 2020) semasa dunia dibelenggu dengan pandemik COVID-19.



KRONOLOGI



Penyusunan pertama anggaran KDNK awalan

28 Julai 2020


Anggaran KDNK awalan diterbitkan untuk edaran terhad

14 Ogos 2020

Statistik KDNK bulanan mengikut lima sektor utama diterbitkan melalui kenyataan media KDNK preliminari

12 November 2021

Statistik KDNK bulanan mengikut lima sektor utama telah diterbitkan dalam penerbitan KDNK preliminari di bahagian penemuan utama



13 November 2020

Data siri masa KDNK bulanan telah diterbitkan melalui kenyataan media KDNK preliminari

11 Februari 2021

Sebaran statistik KDNK bulanan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)



21 Julai 2023

**Penyebaran pertama
anggaran KDNK awalan
kepada umum
melalui kenyataan media**

12 Mei 2023

Pengumuman penyebaran anggaran KDNK awalan kepada umum dalam sidang media bersama BNM



FAEDAH




- Membolehkan pihak kerajaan dan penggubal dasar mendapat gambaran terkini prestasi ekonomi berdasarkan ketersediaan data KDNK bulanan yang disusun daripada data survei DOSM dan data pentadbiran.
- Menyediakan maklumat penting bagi membantu kerajaan membuat keputusan yang tepat berkaitan ekonomi negara melalui ketersediaan data terkini terutamanya dalam situasi ketidakpastian ekonomi seperti pandemik COVID-19 dan krisis ekonomi global.


METODOLOGI



- Metodologi yang digunakan dalam penyusunan anggaran KDNK awalan adalah sama seperti yang digunakan oleh KDNK suku tahunan, kecuali liputan data dan indikator. Statistik KDNK ini disusun berpanduan saranan yang digariskan oleh:



System of National Accounts, 2008



IMF Quarterly National Accounts Manual, 2017 Edition

- Anggaran awalan mengikut aktiviti ekonomi dijana berdasarkan data rasmi bulanan yang dikumpul daripada survei DOSM, data pentadbiran daripada agensi dan data anggaran untuk suku tahun rujukan.
- Anggaran KDNK awalan yang diperoleh daripada gabungan data dan anggaran yang tersedia untuk suku tahunan rujukan secara amnya akan memberikan perbezaan kecil berbanding dengan nilai dalam penyusunan KDNK suku tahunan bagi tempoh yang sama.
- Kaedah ini turut diamalkan oleh negara maju seperti Singapura, Korea Selatan, Hong Kong, Taiwan, Jepun dan Amerika Syarikat.

PENEMUAN



- Dapat diperhatikan bahawa terdapat perbezaan dalam pertumbuhan antara anggaran KDNK awalan dan KDNK preliminari disebabkan oleh kekangan dalam ketersediaan data daripada pelbagai sumber.
- Perbezaan pertumbuhan antara anggaran KDNK awalan dan KDNK preliminari adalah tidak signifikan, sejajar dengan dapatan yang diperoleh daripada negara-negara maju yang mengeluarkan anggaran KDNK awalan.



TARIKH SEBARAN BAGI NEGARA LAIN



Negara	Tarikh Sebaran bagi Anggaran KDNK Awalan dan KDNK Preliminari ST2 2023		
	Anggaran KDNK Awalan	KDNK Preliminari	Bil. Hari
Malaysia	21 Julai	18 Ogos	28
Singapura	TLD 14 Julai	TLD 25 Ogos	42
Amerika Syarikat	27 Julai	30 Ogos	34
Kesatuan Eropah	31 Julai	16 Ogos	16
United Kingdom	11 Ogos	29 September	49
Korea Selatan	25 Julai	5 September	42
Hong Kong	31 Julai	11 Ogos	11
Taiwan	28 Julai	TLD 31 Ogos	34
Jepun	15 Ogos	8 September	24

Nota: TLD – Tidak Lewat Daripada

SEBARAN KEPADA UMUM



 **Kenyataan media** akan dikeluarkan mengenai **anggaran KDNK awalan suku tahunan** melalui **kaedah pengeluaran** pada **harga malar 2015** (kadar pertumbuhan, YoY), merangkumi **lima sektor ekonomi utama**, iaitu Pertanian, Perlombongan dan pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan.

Pertanian



Pembuatan




Perkhidmatan



Perlombongan dan pengkuarian



Pembinaan



 Penyebaran anggaran KDNK awalan dapat memperkejatkan penyusunan KDNK preliminari, dengan tempoh penyusunan KDNK preliminari dianjak dari enam (6) kepada tujuh (7) minggu dengan ketersediaan sumber data yang lebih komprehensif.

TARIKH SEBARAN



Suku Tahun Rujukan	Anggaran KDNK Awalan*	KDNK Preliminari
ST1 2023	20 April 2023 (Khamis)	12 Mei 2023 (Jumaat)
ST2 2023	21 Julai 2023 (Jumaat)	18 Ogos 2023 (Jumaat)
ST3 2023	20 Oktober 2023 (Jumaat)	17 November 2023 (Jumaat)
ST4 2023	22 Januari 2024 (Isnin)	16 Februari 2024 (Jumaat)

Nota: *Sebaran kepada umum mulai ST2 2023




DATA BULANAN



Hasil daripada penyusunan anggaran KDNK awalan, statistik KDNK bulanan diterbitkan kepada umum mulai dari S2 2020.


KDNK Bulanan – Kadar Pertumbuhan



PERKHIDMATAN




Jan. : 6.1%
Feb. : 7.8%
Mac : 8.0%



PEMBUATAN




Jan. : 1.1%
Feb. : 4.6%
Mac : 3.9%



PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN




Jan. : 6.0%
Feb. : 0.2%
Mac : 1.0%



PERTANIAN




Jan. : 1.3%
Feb. : 5.6%
Mac : -3.5%



PEMBINAAN



Jan. : 9.9%
Feb. : 12.6%
Mac : 0.2%



Nota: % perubahan merujuk kepada tahun ke tahun



"Statistics Bloom in Harmony"

Doesn't matter far or near
Strength in numbers
we don't live in fear

Birds of feather flock together
Statistics our form of adour
We, will always live it up

Prechorus
So let us live in solidarity
And in the world arena we'll succeed
It is statistics that will come to be
The reason we will bloom in harmony

Chorus

Everybody undivided
Data's where our hearts reside in
There will always be a bind

Just like fire that ignites
That's how brightly lit our dreams are
We'll reach higher than the stars

Sending love to one another
Leaving no one in a slumber
We will stand with unity

Mustering our courage while
Embracing our disparities
We'll achieve our victory

One dream with unity
One love with harmony

"Statistik Segalanya Pasti"

Tak kira walau apa
Cabaran dan aral melintang
Statistik meringankan
Segala beban yang menjelma
Gementar tiada


Prechorus
Bersama kita teguh hadapi
Bentala dipenuhi misteri
Namun statistik kan melindungi
Statistik petunjuk realiti

Chorus
Kesejahteraan negara
Perpaduan seluruh bangsa
Dengan irama data
Tidak hanya berbicara
Pagi hingga ke senja
Semangat yang terus membara
Data dan kehidupan berteraskan harapan
dan impian kemakmuran
Segalanya pasti
Bergalaskan strategi
Menuju aspirasi

Harapan.. Keamanan
Impian... Kedamaian..



Perkhidmatan Atas Talian DOSM



**Imbas untuk ke
Portal Perkhidmatan
Atas Talian DOSM**



OpenDOSM



Visual Interaktif



Kawasanku

Hubungi kami



www.dosm.gov.my



info@dosm.gov.my
data@dosm.gov.my



+6 03 8885 7000



+6 03 8888 9248

